

# ‘Mahu fokus isu rakyat, bukan bina gedung mega’

BH - 24/12/2022  
mls: 2

Anwar berhasrat lihat negara terus pulih, jamin tidak dendam dengan musuh politik

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim  
mohd\_iskandar@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan tanggungjawabnya sebagai Perdana Menteri adalah memberi keutamaan kepada soal kehidupan dan kebajikan rakyat, bukan memikirkan pembinaan bangunan mega yang gah sebagai legasi.

Sehubungan itu, beliau mengarahkan tindakan diambil bagi membantu rakyat, terutama di bandar besar yang ramai masih hidup dalam keadaan daif, selain nasib peniaga kecil serta penaja, namun meningkatkan bahawa segala perancangan bagi mencapai tujuan itu mesti mematuhi prin-

sip tatakelola.

“Jangan (sebagai Perdana Menteri) mula nak fikir gedung tinggi sahaja. Mai (datang) PM ini, saya fikir gerai dan saya mulakan dengan gerai penjaja dan peniaga kecil mesti bersih dan cantik seluruhnya,” katanya berucap pada Majlis Ilmu Perdana di Seri Perdana di Putrajaya, malam kelmarin.

Majlis bersama ahli akademik dan warga institusi pengajian tinggi (IPT) itu turut dihadiri Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek; Menteri Agama, Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar serta wakil Kumpulan 70 Profesor Melayu, Akademi Sains Islam Malaysia dan Institut Darul Ehsan.

Menegaskan antara usaha kerajaan adalah untuk memulihkan keyakinan dan melaksanakan perubahan demi kemaslahatan rakyat yang tertanggung sejak sekian lama, Perdana Menteri berkata, hasratnya yang utama adalah untuk melihat negara terus pulih dan kebajikan rakyat terbela.

“Cabaran sekarang ialah kita berdepan masalah yang komp-



Anwar berucap pada Majlis Ilmu Perdana di Seri Perdana di Putrajaya, malam kelmarin.

(Foto ihsan Pejabat Perdana Menteri)

leks, tetapi kita kena bermula dengan sesuatu,” katanya turut mengulangi jaminan kerajaan pimpinannya tidak berdendam dengan musuh politik sebelum ini.

“Sekarang kita berkuasa, tetapi adakah kita masih berendam dengan golongan lama yang tidak mendukung, tidak boleh. Kita mesti berlapang dada, tetapi jangan berlapang dada sehingga ditikam dengan keris,” katanya.

Anwar turut mengingatkan, rakyat bosan dan mencemuh elit politik kerana ramai yang tidak melaksanakan apa yang diperkatakan.

“Apakah kelemahan kita dalam konsep kenegaraan ini, kelemahan pertama ialah orang sudah rasa bosan, sinis, mencemuh golongan elit apatah lagi golongan elit politik. Kerana apabila berbicara mereka tidak amalkan, kerana rasuah jadi budaya, kerana

kejahilan dan kedangkalan yang mereka sampaikan,” katanya.

## Pulihkan keyakinan

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, tugas pertamanya selepas diberi amanah mengetuai pentadbiran negara adalah untuk memulihkan keyakinan dengan melakukan sedikit pengorbanan sebagai isyarat bahawa tidak semua pemimpin politik tamak.

“Ada sedikit pengorbanan (perlu dilakukan) seperti tolak gaji, untuk memberi ‘signal’ bahawa tidak semua orang politik tamak haloba dan mencari kekayaan kerana yang lain ada. Makan ada, rumah besar ada, dewan ada, kereta ada, pengawal ada, elau Parlimen ada, cukuplah, jadi saya menolak (gaji).

“Isu kereta, tiada orang pun akan mengadu kalau Perdana Menteri guna Mercedes yang mahal, tak jadi isu sangat, tetapi

saya nak bagi isyarat dan sempat saya batalkan (pembelian), jadi tersangkutlah saya dengan (kereta rasmi) Proton dan ini semua mesejnya adalah untuk memulihkan keyakinan.

“Sama juga istana yang besar ini (kediaman rasmi Perdana Menteri), apa kita buat? Walaupun saya tak duduk sini, setiap minggu kita buat majlis, majlis ilmu, majlis zikir, sekurang-kurangnya ia sudah menjadi hak orang awam untuk keluar masuk,” katanya.

Menerusi perkongsian di Facebook berhubung majlis sama kemudiannya, Anwar menegaskan, pedoman daripada golongan cerdik pandai di negara ini akan terus dimanfaatkan dalam kerajaan pimpinannya.

“Sikap tuntas dalam menyatakan pendirian yang sejati waima terpaksa menongkah arus menjadi satu ciri ilmuwan yang disegani,” katanya.